

SULIT*

2

Soalan-soalan 1 hingga 3 berdasarkan petikan di bawah ini.

Rasa hormat terhadap harta intelektual dan hak cipta nampaknya tidak begitu ketara dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat negara ini. Kegiatan mencetak rompak karya orang lain, daripada perisian komputer hingga kepada lagu, filem dan karya-karya lain semakin menjadi-jadi. Kegiatan tersebut dilakukan oleh mereka tanpa rasa takut dikenakan sebarang tindakan undang-undang, malah dijadikan sebagai satu bentuk perdagangan baru yang menguntungkan. Malah terlalu liciknya kegiatan mencetak rompak produk audio dan video seperti kaset lagu, perisian komputer, dan video filem sehingga ada kalanya para pengguna tidak dapat membezakan antara yang asli dengan yang tiruan kecuali harganya yang lebih murah menjadikan bahan cetak rompak semakin digemari oleh pengguna.

Satu anggaran menyatakan bahawa perniagaan bahan cetak rompak khususnya produk dalam bentuk piring hitam, kaset, cakera padat, dan cakera laser, serta produk video seperti filem dalam bentuk pita video dan cakera padat video kini bernilai ratusan juta ringgit setahun.

Untuk berlaku adil kepada pihak berkuasa, kerajaan sebenarnya tidak berdiam diri dalam menghadapi cetak rompak ini. Parlimen sudahpun memperkenalkan undang-undang dan peraturan yang secukupnya untuk melindungi harta intelektual dan hak cipta karya. Penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga yang menjual bahan-bahan cetak rompak dilakukan dari semasa ke semasa. Tetapi usaha-usaha ini sia-sia sahaja kerana mereka masih mengulangi dan meneruskan kegiatan tersebut.

Perniagaan bahan-bahan cetak rompak bukan sahaja tumbuh bagai cendawan selepas hujan, malah kini dilakukan secara terbuka. Tukang cetak rompak, peniaga, dan pengguna seolah-olah tidak ambil pusing dengan perbuatan yang memalukan ini. Fenomena ini menggambarkan bahawa cetak rompak sebagai satu industri tidak dapat dikawal oleh kehadiran undang-undang sahaja. Hal ini bergantung kepada sikap pengguna dan pembeli kerana yang akhirnya menentukan sama ada perniagaan tersebut berkembang maju atau berkubur akan ditentukan oleh kuasa pengguna. Sekiranya pengguna enggan membeli atau menggunakan barangan tersebut, para peniaga akan gulung tikar. Pihak-pihak yang selama ini mendapat kekayaan dan kemewahan daripada merompak hak cipta dan harta intelektual orang lain, tentu tidak akan meneruskan kegiatan mereka. Walau bagaimanapun untuk berlaku adil kepada pengguna, karya asli hendaklah dijual pada harga yang lebih kompetitif. Malah kalau boleh lebih rendah daripada harga barang tiruan itu sendiri. Jika hal itu dapat dilakukan, perniagaan cetak rompak itu juga akan gulung tikar.

Selain bergantung kepada undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang, barangkali sudah tiba masanya bagi industri muzik, filem, dan perisian komputer memikirkan strategi untuk menjual produk masing-masing dengan harga yang murah untuk membunuh kegiatan cetak rompak itu. Tindakan ini dari segi jangka pendek mungkin merugikan mereka tetapi dari segi jangka panjang, dengan penjualan lebih banyak produk, mereka akan mengaut keuntungan yang banyak. Yang lebih penting ialah perniagaan cetak rompak ditamatkan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
MASSA, Bil. 148, Ogos 1998)

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

3

1 Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang betul tentang kegiatan cetak rompak?

- A Dianggap bukan sebagai satu perbuatan jenayah
- B Menjadi kegiatan komersial yang semakin berkembang pesat
- C Tiada undang-undang yang boleh menghukum kegiatan tersebut
- D Kualiti barangan yang dihasilkan tidak setanding dengan produk asli

2 Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang betul tentang maksud perenggan ketiga petikan?

- A Serbuan oleh pihak berkuasa dijalankan secara berterusan
- B Undang-undang yang digubal oleh Parlimen sudah mencukupi
- C Peniaga-peniaga kecil serik untuk menjalankan kegiatan tersebut
- D Penguatkuasaan undang-undang berjaya mengatasi kegiatan itu sepenuhnya

3 Antara yang berikut, yang manakah faktor yang menggalakkan kegiatan cetak rompak?

- I Ketidakmampuan pengguna dan pembeli membeli barangan asli
 - II Sikap pengeluar barangan asli yang lebih mengutamakan kualiti
 - III Pembeli dan pengguna memberikan sambutan terhadap barangan cetak rompak
 - IV Undang-undang yang ada menakutkan pengeluar dan peniaga barangan cetak rompak
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

4

Soalan-soalan 4 hingga 6 berdasarkan jadual di bawah ini.

KESALAHAN	JUMLAH KES	TANGKAPAN		JUMLAH TANGKAPAN
		WARGA TEMPATAN	WARGA ASING	
Pecah Amanah	1839	182	10	192
Tipu	6025	425	124	549
Jenayah Siber				
Hacking	4	1	0	1
A.K.M	27	4	0	4
Kes. ATM	116	3	0	3
Penipuan Lain (Sek. 415-419 KK)	239	141	20	161
Pemalsuan	235	5	0	5
Kad Kredit	62	31	16	47
AMLA	14	0	0	0
Akta Pemberi Pinjam Wang	156	38	0	38
Akta Hak Cipta	7	8	0	8
Akta Penapisan Filem	81	83	6	89
Agensi Kerajaan lain	47	24	39	63
Kes Jenayah Komersial lain	896	627	34	661
Jumlah	9748	1572	249	1821

NOTA:

ATM = Auto Teller Machine

A.K.M = Akta Komunikasi Dan Multimedia

AMLA = Akta Pengubahan Wang Haram

Kes Jenayah Komersial Lain = kes-kes lain yang disiasat oleh PDRM seperti Seksyen 192 KK, 292 KK, 403 KK dan sebagainya

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Laman Web Rasmi Polis Diraja Malaysia 2007*)

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

5

- 4 Yang manakah pernyataan yang benar berkaitan dengan statistik pada jadual berkenaan?
- A Semua kesalahan yang dilakukan melibatkan warga tempatan dan warga asing.
 - B Semua kesalahan yang dilakukan berjaya diselesaikan melalui tangkapan oleh pihak polis.
 - C Kesalahan menipu merupakan jumlah kes dan jumlah tangkapan terbanyak yang berjaya diselesaikan oleh pihak polis.
 - D Jumlah kesalahan yang dilakukan terlalu tinggi berbanding dengan jumlah tangkapan yang berjaya dibuat oleh pihak polis.
- 5 Berdasarkan jadual, kesalahan yang dilakukan oleh warga tempatan dan warga asing dikategorikan sebagai
- A jenayah berat
 - B jenayah komersial
 - C jenayah penipuan
 - D jenayah mata wang
- 6 Apakah tajuk yang sesuai untuk jadual tersebut?
- A Jumlah tangkapan yang melibatkan warga tempatan dan warga asing
 - B Jumlah kes jenayah yang melibatkan warga tempatan dan warga asing
 - C Jenis-jenis jenayah yang dilakukan oleh warga tempatan dan warga asing
 - D Kes jenayah serta tangkapan yang melibatkan warga tempatan dan warga asing

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

6

Soalan-soalan 7 hingga 10 berdasarkan petikan di bawah ini

Kebanyakan orang lebih rela membelanjakan ribuan ringgit untuk membeli aksesori kenderaan yang kadangkala langsung tidak menimbulkan kuasa kuda malah menyebabkan kenderaan bergerak seperti siput. Walhal keperluan asas penyelenggaraan kenderaan dibiarkan begitu sahaja sehingga menyebabkan asap yang keluar dari ekzos menjadi salah satu punca pemanasan global.

Baru-baru ini timbul cadangan supaya kerajaan mengeluarkan pelan alam sekitar dengan menyasarkan tahun 2020 sebagai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang bebas daripada pencemaran alam. Dalam pelan tersebut diperincikan tanggungjawab kerajaan, pihak swasta, dan masyarakat terhadap alam sekitar.

Desakan mewujudkan pelan tersebut timbul ekoran tahap kesedaran memelihara alam sekitar dalam kalangan rakyat negara ini amat menyedihkan. Ambil contoh paling mudah; walaupun kerajaan berkali-kali mengingatkan orang ramai tentang larangan pembakaran terbuka, larangan tersebut langsung tidak diendahkan. Pergilah ke ceruk rantau mana sekali pun hatta di taman perumahan di bandar besar, kegiatan pembakaran terbuka masih menjadi amalan rutin.

Begitu juga dengan kempen kitar semula yang sehingga kini masih dipersoalkan keberkesannya. Sikap sambil lewa serta ketidaksungguhan pihak berkuasa tempatan menjayakan kempen kitar semula menjadikan keadaan lebih parah. Hanya segelintir yang menyahut dan bekerjasama untuk menjayakan kempen yang menelan peruntukan tahunan beratus-ratus juta ringgit itu. Mungkin sudah tiba masanya penjenayah alam sekitar menerima balasan yang setimpal seperti golongan yang melakukan jenayah berat yang lain. Namun sistem penguatkuasaan yang berkesan dan telus wajar dikemaskinikan dalam menjayakan agenda penting ini.

Seperti kebanyakan daripada penduduk di negara membangun, sebahagian besar rakyat Malaysia enggan bercakap banyak terhadap isu perlindungan alam sekitar. Kebanyakan rakyat negara ini hanya menganggukkan kepala dan bising-bising sedikit apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membangkitkan soal alam sekitar. Rakyat negara ini belum pernah mengalami sungai bertukar menjadi lautan api seperti yang berlaku di Sungai Ohio pada 1960-an kerana sungai tersebut terlalu teruk tercemar dengan bahan mudah terbakar. Rakyat negara ini juga tidak pernah mengalami hujan asid seperti yang berlaku di beberapa buah negara Scandinavia pada 1980-an. Hakikatnya, semua ini tidak mustahil berlaku di negara kita.

Mungkin banyak pihak berasa selesa dengan statistik iaitu 60 peratus daripada muka bumi Malaysia masih dilitupi hutan hijau. Sebenarnya angka separuh daripada angka yang disebutkan itu merupakan kawasan ladang dan selebihnya ialah tanah yang terlalu curam dan berbahaya untuk dieksploitasi. Negara ini sekarang mempunyai terlalu sedikit hutan tanah rendah kerana kebanyakannya ditebang dan dimusnahkan untuk aktiviti pembalakan dan pembangunan. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan suhu, hakisan tanah, banjir kilat dan kekurangan bekalan air bersih.

Isu ini sebenarnya sudah dibangkitkan dahulu dan banyak janji daripada pelbagai pihak telah dibuat untuk membetulkan keadaan. Konflik utamanya ialah pembangunan perlu diteruskan demi kepentingan bersama.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Dewan Masyarakat*, Julai 2007, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka)

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

7

- 7 Pada pandangan penulis pemanasan global berlaku kerana
- I asap yang keluar dari ekzos kenderaan di jalan raya
 - II orang ramai tidak mengendahkan larangan pembakaran secara terbuka
 - III enam puluh peratus daripada muka bumi negara masih diliputi hutan hijau
 - IV penjenayah alam sekitar belum menerima balasan yang setimpal seperti golongan penjenayah berat yang lain
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 8 Antara yang berikut, yang manakah bukan tujuan pihak kerajaan mengeluarkan pelan alam sekitar?
- A Untuk meningkatkan tahap kesedaran memelihara alam sekitar dalam kalangan rakyat negara ini
 - B Untuk memberi tanggungjawab memelihara alam sekitar kepada kerajaan, pihak swasta, dan masyarakat
 - C Ekoran sikap sambil lewa rakyat serta ketidaksungguhan pihak berkuasa tempatan menjayakan kempen kitar semula
 - D Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang bebas daripada pencemaran alam menjelang tahun 2020
- 9 Berikut merupakan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis **kecuali**
- A perbuatan manusia memusnahkan alam sekitar
 - B kempen kitar semula gagal mencapai matlamatnya
 - C isu bencana alam wajar diketepikan demi pembangunan
 - D pembangunan perlu diteruskan demi kepentingan bersama

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

8

- 10 Mengapakah rakyat Malaysia tidak bersungguh-sungguh memberi perlindungan terhadap alam sekitar?
- A Bencana alam di negara ini tidak serius.
- B Banyak kawasan hutan belum diteroka untuk pembangunan.
- C Sistem penguatkuasaan di negara ini amat berkesan dan telus.
- D Sebahagian besar muka bumi Malaysia masih diliputi hutan hijau.
- 11 Apakah istilah yang digunakan bagi merujuk kepada kelompok bahasa induk yang paling tua usianya iaitu lebih daripada 5000 tahun?
- A Filum
- B Rumpun
- C Keluarga
- D Subkeluarga
- 12 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan utama kemasukan pengaruh bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Melayu?
- A Memperkaya kosa kata bahasa Melayu
- B Memantapkan sistem imbuhan bahasa Melayu
- C Memperkenalkan sistem tulisan bahasa Melayu
- D Memantapkan kemampuan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*
- 13 Yang manakah padanan yang betul antara perbezaan bahasa Melayu praklasik dengan bahasa Melayu klasik?

	<i>Bahasa Melayu praklasik</i>	<i>Bahasa Melayu klasik</i>
A	Bahan buktinya berbentuk batu bersurat	Bahan buktinya dalam bentuk surat dan karya sastera
B	Menggunakan sistem tulisan Jawi	Menggunakan sistem tulisan Arab berbentuk kufi
C	Penemuan batu nisan Malik-al Salleh di Pasai	Batu Bersurat Kuala Berang, Sungai Teresat, di Terengganu
D	Berkembang zaman kerajaan kesultanan Melayu Melaka	Berkembang zaman kerajaan Johor- Riau

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

9

14 Perbezaan antara bahasa Melayu klasik dengan bahasa Melayu moden jelas dilihat dari segi penggunaan

- I kosa kata
- II tanda baca
- III binaan ayat
- IV golongan kata

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

15 Antara yang berikut, yang manakah langkah yang paling penting dilakukan dalam proses memodenkan bahasa Melayu?

- A Pembakuan sebutan
- B Pembentukan istilah
- C Pemantapan sistem ejaan
- D Penyeragaman tatabahasa

16 Antara tujuan perancangan taraf bahasa Melayu di negara ini adalah untuk

- I mengurangkan pengaruh bahasa asing dalam bahasa Melayu
- II mewujudkan identiti nasional melalui penggunaan bahasa Melayu
- III menyokong pejuang bahasa untuk mendaulatkan bahasa Melayu
- IV menjadikan bahasa Melayu setanding dengan bahasa lain di peringkat antarabangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

10

17

Bukan lebah sebarang lebah,
Lebah bersarang di ruas buluh,
Bukan sembah sebarang sembah,
Sembah berkarang jari sepuluh.

Bukan lebah sebarang lebah,
Lebah bersarang di dahan nangka,
Bukan sembah sebarang sembah,
Sembah dengan adat pusaka.

Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri bahasa istana yang terdapat dalam petikan di atas?

- I Pemulukan
- II Pendinaan
- III Maksud tersirat
- IV Bahasa yang rutin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Pilih pernyataan yang benar tentang perbezaan antara laras bahasa dengan dialek?

	<i>Laras</i>	<i>Dialek</i>
A	Penggunaan bahasa berdasarkan bidang	Kelainan bahasa disebabkan faktor geografi dan sosial
B	Bersifat tetap, tidak boleh diubah-ubah	Bersifat fleksibel, boleh disesuaikan dengan situasi
C	Dipertuturkan dalam bentuk tulisan	Dipertuturkan dalam bentuk lisan
D	Difahami oleh seluruh penutur bahasa	Hanya difahami oleh segelintir masyarakat

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

11

19

- Memperlihatkan pertautan antara perkataan atau frasa secara semantik dalam sesebuah wacana
- Melibatkan unsur pengulangan kata

Penanda wacana yang menepati maklumat di atas ialah

- A penanda elipsis
- B penanda leksikal
- C penanda rujukan
- D penanda penghubung

20

Kedudukan wanita di Malaysia begitu kuat dipengaruhi oleh faktor biologi, perbezaan jantina, agama, kebudayaan, dominasi lelaki, dan nilai. Namun kini wanita di Malaysia mengalami perubahan yang amat besar. Peranan wanita tidak lagi tertumpu di rumah, sebaliknya menjadi penggerak pembangunan industri, perkhidmatan, pertanian, dan sebagainya. Mobiliti sosial yang dicapai oleh wanita dalam sesetengah bidang kerjaya begitu menakjubkan mengatasi kebolehan dan kemampuan lelaki.

Apakah ciri retorik penghujahan yang terdapat dalam petikan di atas?

- I Penulis meyakinkan pembaca tentang pendapatnya.
- II Penulis mempengaruhi pembaca supaya mengubah pendirian.
- III Penulis memberikan gambaran visual yang jelas kepada pembaca.
- IV Penulis memainkan perasaan untuk mengubah pendirian pembaca.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

12

21 Yang manakah padanan yang betul bagi retorik pemerian dan retorik pemujukan?

	<i>Retorik pemerian</i>	<i>Retorik pemujukan</i>
A	Menyampaikan mesej dengan intonasi menarik	Mementingkan kehalusan berbahasa
B	Melibatkan emosi dan pandangan penulis	Menyelitkan unsur-unsur psikologi
C	Huraian tentang sesuatu perkara	Menegakkan pendapat dengan pelbagai bukti
D	Bersifat tepat, jelas, dan objektif	Memberi maklumat untuk mempengaruhi

22 Berikut padanan yang betul antara gelaran warisan dengan contohnya **kecuali**

	<i>Gelaran warisan</i>	<i>Contoh</i>
A	Keturunan raja-raja memerintah	Raja, Tunku, Tengku
B	Keturunan Orang-orang Besar	Megat, Puteri, Nik
C	Keturunan Nabi Muhamad S.A.W	Syeikh, Syed, Siti
D	Keturunan bangsawan	Daeng, Sidi, Raden

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

13

23

<i>Gelaran</i>		<i>Kedudukan</i>	
I	Yang Amat Berbahagia Toh Puan	P	Pegawai kerajaan yang memegang jawatan tetapi tidak mendapat apa-apa anugerah
II	Yang Berusaha	Q	Suami bergelar Tun
III	Yang Berbahagia	R	Menjadi ahli persidangan di Parlimen
IV	Yang Berhormat	S	Mendapat anugerah Datuk Paduka

Berdasarkan jadual di atas, yang manakah padanan yang betul antara gelaran dengan kedudukannya?

	I	II	III	IV
A	Q	P	S	R
B	P	R	Q	S
C	Q	R	S	P
D	S	P	Q	R

24 Yang manakah pernyataan yang benar tentang penghasilan bunyi konsonan?

- A Semua bunyi konsonan menggetarkan pita suara ketika proses pengeluarannya.
- B Ketika pengeluarannya langit lembut dinaikkan menutup rongga hidung.
- C Tidak semua bunyi konsonan mengalami sekatan ketika proses pengeluarannya.
- D Terdapat bunyi bersuara dan tidak bersuara dalam pengeluaran bunyi konsonan.

25 Apakah konsonan – konsonan dalam suku kata tertutup bagi perkataan *basuh*, *kasih*, *kupas*, dan *bahas*?

- A Geseran gigi gusi bersuara dan geseran glotis bersuara
- B Sisian gigi gusi tidak bersuara dan letusan bibir tidak bersuara
- C Geseran gigi gusi tidak bersuara dan geseran glotis tidak bersuara
- D Letupan bibir bersuara dan letupan langit lembut tidak bersuara

910/1


*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

14

Soalan 26 berdasarkan carta di bawah ini.



Di kedudukan manakah vokal dalam suku kata terbuka pada setiap perkataan berikut: **bulan, bantu, pulas, bangku?**

- A 1
- B 4
- C 6
- D 7

27 Diftong [oi] ialah bunyi yang dimulai dengan cara penghasilan vokal belakang separuh sempit, kemudian berlaku geluncuran ke arah bunyi

- A vokal depan sempit
- B vokal belakang luas
- C vokal tengah separuh luas
- D vokal depan separuh luas

28 Yang manakah kumpulan perkataan yang mempunyai taburan fonem bersesuaian mengikut kedudukannya dalam jadual di bawah?

	<i>Letusan</i>	<i>Letupan</i>	<i>Sengauan</i>	<i>Getaran</i>
A	Lancar	Bantu	Nganga	Rajin
B	Bungkus	Tabur	Manja	Roda
C	Jujur	Gagal	Nampak	Lalai
D	Cari	Rusuh	Kilas	Sabar

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

15

29 Yang manakah merupakan vokal berangkap dalam rajah di bawah?

A	Amboi	Laici	Taat	Daun
B	Daulat	Saudara	Kaloi	Sampai
C	Tauliah	Kerajaan	Kedai	Aurat
D	Pauh	Kain	Main	Taat

30 Yang manakah perkataan yang mengandungi sengauan lelangit keras?

- I Sunyi
- II Tanya
- III Bunga
- IV Bayang

- A 1 dan II
- B 1 dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Di manakah kedudukan konsonan [w] dalam cara sebutan dan daerah sebutan yang berikut?

<i>Cara sebutan</i>	<i>Daerah sebutan</i>			
	Bibir	Gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut
Letupan				D
Geseran		B	C	
Separuh vokal	A			

32 Kumpulan konsonan yang kesemuanya dihasilkan dengan tidak menggetarkan pita suara ialah

- A [b, d, g]
- B [k, c, m]
- C [l, s, h]
- D [p, r, g]

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

16

33 Ayat yang manakah mengandungi kata arah?

- I Bayi itu tidur di pangkuan ayahnya.
- II Abang bekerja di Singapura sejak bulan lepas.
- III Cikgu Mokhtar akan ditukarkan ke utara tanah air.
- IV Almari di penjuru ruang tamu itu dipenuhi barang hiasan.

- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Pilih kumpulan kata yang kesemuanya betul mengikut golongan masing-masing.

	<i>Akronim</i>	<i>Kata tunggal</i>	<i>Kata majmuk</i>	<i>Kata ganda</i>
I	Purata	Demokrasi	Olahraga	Bebola
II	Jantina	Salasilah	Jawatankuasa	Sesungut
III	Cerpen	Juruaudit	Walhal	Sesiku
IV	Poskod	Kajian	Tabika	Debunga

- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 35 Antara ayat yang berikut, yang manakah tidak mengandungi kata penegas?
- A Ustazah Afifah memang arif dalam hal-hal tajwid.
 - B Budak yang berbaju biru itu bukan lembam tetapi malas.
 - C Walaupun dilarang, adik masih juga mahu mandi di sungai.
 - D Proton akan melancarkan dua lagi model baru pada tahun hadapan.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

17

36

Sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, mangsa akan dipindahkan segera ke tempat yang selamat.

Dalam ayat majmuk di atas, bahagian yang berhuruf condong disebut sebagai

- A klausa bebas
 - B klausa utama
 - C frasa keterangan
 - D klausa tak bebas
- 37 Antara yang berikut, kumpulan kata yang manakah mempunyai imbuhan kata nama?
- A berongga, seruling, telapak, kemuncup
 - B pengguna, pakaian, perasaan, telunjuk
 - C pengunci, pemfitnah, kebersihan, beriadah
 - D peraduan, kementerian, keputusan, bertanam
- 38 Antara ayat yang berikut, yang manakah menggunakan kata berimbuhan meN ... kan yang membawa maksud kausatif?
- I Kakak memasak ayah nasi goreng.
 - II Perbuatan Rizuan itu memalukan seluruh ahli keluarganya.
 - III Berita penangkapan Razali amat mendukacitakan rakan-rakan sepejabatnya.
 - IV Mariah telah membelikan adiknya sehelai baju kebaya untuk sambutan hari raya.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

18

- 39 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kata tunggal?
- I Kata tunggal tidak boleh dijadikan kata jamak.
 - II Boleh terdiri daripada satu suku kata atau lebih.
 - III Perkataan *akronim* tidak tergolong dalam kata tunggal.
 - IV Kebanyakan kata tunggal mempunyai potensi untuk diperluas.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

40

	<i>Jenis kata</i>		<i>Contohnya</i>
I	Kata bantu aspek	P	agak, sangat
II	Kata penguat	Q	maka, arakian
III	Kata pangkal ayat	R	mahu, mesti
IV	Kata bantu ragam	S	belum, masih

Berdasarkan jadual di atas, pilih padanan yang betul antara jenis kata dengan contohnya.

	I	II	III	IV
A	P	S	R	Q
B	S	P	Q	R
C	R	S	P	Q
D	S	R	P	Q

41. Yang manakah ayat aktif tak transitif dengan keterangan yang boleh digugurkan?
- A Dia berada di Kuala Kangsar.
 - B Penakitnya beransur sembuh.
 - C Kertas jawapan itu bergaris bujur.
 - D Para penyanyi itu ingin menjadi terkenal.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

19

42.

Untuk penilaian akhir tahun pelajar itu mengulang kaji pelajarannya hingga larut malam.

Ayat di atas terdiri daripada

- A ayat majmuk campuran
- B ayat tunggal susunan biasa
- C ayat tunggal susunan songsang
- D ayat majmuk pancangan keterangan

43. Yang manakah ayat aktif transitif?

- I Siti menangis sepanjang malam.
- II Kakak menuliskan ibunya sepucuk surat.
- III Menantunya membawa secawan kopi untuk saya.
- IV Kebanyakan keturunan Syed berasal dari tanah Arab.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

44

Lima orang askar terbunuh.

Unsur penerang dalam ayat di atas ialah

- A penerang nama
- B penerang penentu
- C penerang kata kerja
- D penerang bilangan ordinal

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

20

45. Yang manakah ayat komplemen frasa nama subjek?
- I Bahawa setiap peserta akan diuji adalah tidak benar.
 - II Agak sukar untuk Pak Abu sembuh daripada penyakit.
 - III Bapa Nasir beranggapan bahawa anaknya telah berjaya.
 - IV Gadis manis itu tetap yakin bahawa kekasihnya masih hidup.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
46. Yang manakah ayat yang mengalami proses pendepanan kata adjektif?
- A Sedang sakit tenat pencuri itu.
 - B Letih badannya sepanjang masa.
 - C Kena pukul pemain-pemain itu kelmarin.
 - D Menangis bayi itu setiap malam kerana kembang perut.
47. Yang manakah ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif dengan pelengkap frasa sendi nama?
- A Minah terpijak kaca di padang.
 - B Puyuh goreng kami makan di restoran itu.
 - C Dia membuang bangkai biawak itu ke dalam sungai.
 - D Kapal kargo itu singgah di pelabuhan Kuala Sepetang.


910/1

Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.*SULIT***

SULIT*

21

48



Proses pengguguran yang digambarkan dalam gambar rajah pohon di atas ialah proses

- A pengguguran frasa nama subjek
 - B pengguguran frasa nama predikat
 - C pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif
 - D pengguguran kata nama yang berfungsi sebagai inti dalam frasa nama
- 49 Yang manakah ayat yang mengandungi objek tepat dan objek sipi?
- A Dia menganggap saya lawannya.
 - B Saya menamai kuda itu Si Belang.
 - C Ubat itu dapat menyihatkan badan.
 - D Abu menghadahi Ahmad sebuah buku.
- 50 Yang manakah ayat yang mengandungi kata majmuk rangkai kata bebas?
- A Deria rasa Pak Ali sudah berkurangan.
 - B Nazmizan berlari pantas seperti lipas kudung.
 - C Kurangkan penggunaan susu pekat manis dalam minuman.
 - D Analisis teks ialah soalan ke-4 dalam soalan Bahasa Melayu Kertas 2 STPM.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

22

51

I : Nyawanya terancam bagai telur di hujung tanduk.
II : Pengemis itu mengenyit-ngenyit matanya seakan-akan hendak menangis.

Kedua-dua ayat di atas mengandungi keterangan

- A akibat
 - B syarat
 - C tujuan
 - D perbandingan
- 52 Yang manakah ayat pasif yang betul?
- I Ikan itu saya goreng.
 - II Rumput itu dibakar Pak Ngah semalam.
 - III Kerja itu saya sudah bereskan pagi tadi.
 - IV Burung gagak itu ditembak oleh saya dengan senapang.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 53 Antara yang berikut, yang manakah ayat majmuk pancangan keterangan waktu?
- A Gadis itu datang dengan bas.
 - B Sementara menunggu hujan reda Ali membaca buku.
 - C Sekalipun Pak Abu cacat penglihatan beliau mampu menghafaz Al-Quran.
 - D Andai kata tiada jodoh antara kita, marilah kita teruskan hubungan persahabatan ini hingga ke akhirnya.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

54

Keadaannya menjadi genting.

Yang manakah pernyataan yang benar tentang ayat di atas?

- I Ayat majmuk
- II Ayat tunggal
- III Mengandung frasa penerang
- IV Mengandung unsur pelengkap

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

55 Antara yang berikut, yang manakah ayat majmuk gabungan pasif?

- I Ali dipandang oleh Aminah sambil tersenyum.
- II Mi goreng saya makan dan martabak ayam dimakan emak.
- III Drama lakonan Mr. Bean yang lucu itu, ditonton oleh mereka.
- IV Majalah itu akan dibeli oleh Nasir jikalau emak membenarkannya.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

56 Yang manakah ayat yang mengandungi frasa sendi nama sebagai keterangan kepada frasa adjektif ?

- I Gadis itu cantik seperti ratu.
- II Pelajar itu bijak dalam matematik.
- III Penyanyi wanita itu dari Korea Utara.
- IV Pendatang asing tanpa izin itu menetap di Sabah.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

24

57

P	Anak mereka pandai-pandai belaka. Anaknya mereka formula matematik.
Q	Kepala Ahmad bertambah botak. Pemuda itu rupanya kepala penyamun.
R	Perang saudara di negara itu belum reda. Tentera- tentera di sana berambut perang .
S	Kereta ialah kenderaan utama di bandar. Tenggiri ialah ikan yang termahal di pasaran.

Pilih pernyataan yang betul bagi perkataan yang berhuruf tebal di atas

	<i>Hiponim</i>	<i>Polisemi</i>	<i>Homograf</i>	<i>Homonim</i>
A	S	R	Q	P
B	R	P	Q	S
C	P	S	R	Q
D	S	Q	R	P

58

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Angin lembut • Api peperangan • Merah menyala • Alam percintaan |
|--|

Apakah jenis kiasan di atas?

- A Melarat
- B Pemanis
- C Berbunga
- D Melompat

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT*

25

59 Pilih padanan yang betul

	<i>makna</i>	<i>maksud</i>
A	Makna leksikal	Perkataan yang tidak mempunyai referen contohnya kata sendi, kata hubung, kata bantu
B	Makna nonreferensial	Makna yang sesuai dengan referennya, pemerhatian alat indera, makna yang nyata
C	Makna konotatif	Perkataan yang maknanya ada kaitan dengan nilai rasa, baik positif mahupun negatif
D	Makna denotatif	Makna yang hadir sebagai akibat berlakunya proses gramatikal

60 Yang manakah peribahasa yang menggambarkan *seseorang yang memiliki sifat-sifat yang positif?*

- A Cacing hendak menjadi naga.
- B Anjing ditepuk menjongket ekor.
- C Air setitik dilautkan, tanah sekepal digunungkan.
- D Belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang.

910/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*